

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan akhir ini yang disediakan

oleh

MUHAMMAD HELMIE NASRON HALIM

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN REKA BENTUK DALAMAN
PEJABAT MAJLIS AIDS MALAYSIA DI NO.3, GREENTOWN BUSINESS PARK.30450 IPOH**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada dari syarat untuk memperolehi
Diploma Reka Bentuk Dalaman

Penyelia Laporan : _____

Dr. Norhasandi Bin Mat

Koordinator Kursus : _____

En. Suhaimi Bin Musa

Koordinator Program : _____

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa

ABSTRAK

Projek ini adalah cadangan reka bentuk ruang pejabat untuk Majlis AIDS Malaysia dengan mengaplikasikan konsep yang sesuai dengan misi dan visi syarikat korporat Majlis AIDS Malaysia yang menjadi pertubuhan bukan kerajaan yang mempunyai nilai kualiti yang terbaik untuk setiap servis yang dilakukan oleh Majlis AIDS Malaysia. Aspek psikologi ruang juga diaplikasikan bagi memberikan keselesaan kepada para pekerja dan juga pelanggan yang datang berurusan di sini. Justeru itu, pengumpulan data dan maklumat samada secara cetak atau lisan telah dilakukan secara berulang-ulang untuk mendapat maklumat secara terperinci mengenai Majlis AIDS Malaysia dan cadangan reka bentuk yang bersesuaian dengan imej syarikat itu sendiri. Setiap reka bentuk yang dilakukan mengambil kira pelbagai aspek, mengapa ianya direka bentuk sedemikian rupa. Ianya bermula dengan pencarian masalah, isu-isu yang timbul, komen-komen pekerja, pengumpulan data-data yang relevan dan sebagainya. Tanpa masalah dan isu, reka bentuk yang berjaya tidak mungkin akan dilakukan. Untuk projek akhir ini, kajian yang telah dibuat, terdapat beberapa masalah reka bentuk yang perlu dibaiki. Sebuah ruang pejabat yang baik dan selesa ialah sebuah ruang yang menggunakan kemasan yang bersesuaian contohnya kawasan yang menjadi laluan kepada troli mengangkut barang akan menggunakan kemasan vinil kerana vinil tahan lasak dan tahan lama. Ia juga mudah dibersihkan dan tidak memerlukan penjagaan rapi. Manakala ruang berkerja penataan 'laminated timber' lebih sesuai kerana ia lebih cantik dan sesuai untuk aktiviti yang kurang lasak. Bagi bilik ketua operasi pula, kemasan karpet digunakan kerana ia nampak lebih eksklusif dan bersesuaian dengan imej ruang itu sendiri sebagai ruang untuk menempatkan orang yang berjawatan. Reka bentuk yang berjaya ialah reka bentuk yang menyelesaikan permasalahan yang berlaku didalam sesebuah ruang pejabat itu kerana ia mengambil kira keselesaan pengguna ruang tersebut. Selain itu, ia juga mampu menarik para pelanggan untuk datang ke pejabat ini kerana reka bentuk yang berjaya mempunyai unsur-unsur menarik perhatian yang akan menaikkan lagi imej Majlis AIDS Malaysia itu sendiri.

Isi Kandungan

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	ix
Senarai Gambar	xii
Senarai Lampiran	xv
Senarai Singkat Kata	xv

Kandungan

Muka surat

BAB 1 PENGENALAN

1.1	PENGENALAN	1
1.2	PENYATAAN MASALAH	2
1.3	MATLAMAT KAJIAN	2
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	3
1.5	METODOLOGI KAJIAN	5

1.6	SKOP KAJIAN	9
1.7	HALANGAN KAJIAN	11
1.8	KEPENTINGAN KAJIAN	11
1.9	RUMUSAN	12
BAB 2	KLIEN	
2.1	PENGENALAN	13
2.2	LATAR BELAKANG	13
2.3	CARTA ORGANISASI	14
2.4	MISI DAN VISI	16
2.5	IMEJ KORPORAT KLIEN	16
BAB 3	ANALISIS TAPAK	
3.1	PENGENALAN	17
3.2	ANALISIS TAPAK	
3.2.1	TAPAK CADANGAN	18
3.2.2	ORENTASI BANGUNAN	21
3.2.3	PERSEKITARAN	23

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bagi projek akhir IND 381 iaitu reka bentuk dalaman, saya telah memilih cadangan projek reka bentuk dalaman pejabat untuk Majlis AIDS Malaysia Cawangan Utara. Tapak yang dicadangkan oleh pihak Malaysian Aids Council beralamat di Lot 9459N, No.3, Greentown Business Centre, 30450, Ipoh, Perak, Malaysia.

Buat masa ini, Majlis AIDS Malaysia hanya berada di Kuala Lumpur sahaja. Di mana ianya merupakan satu-satunya pusat untuk mereka beroperasi. Walhal, jika mengikut statistik, negeri-negeri di bahagian utara mempunyai penghidap AIDS yang sama tinggi dengan Kuala Lumpur. Maka, pihak Majlis AIDS Malaysia telah memilih Ipoh sebagai pusat operasi baru untuk cawangan utara. Ini kerana, jika perbandingan dibuat di antara Pulau Pinang, Kedah, Perlis, dan Perak, negeri yang mempunyai penghidap AIDS paling ramai adalah Perak. Ini menguatkan lagi isu Majlis AIDS Malaysia untuk membina pusat operasi mereka di Ipoh.